

## PENGGUNAAN CHATGPT DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK: ANALISIS TERHADAP TAHAP DAN FAKTOR PENERIMAANNYA

Faridah Jamil<sup>1</sup>, Nur Hafiza Abd Rahman<sup>2</sup> dan Suhainy Sulaiman<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Department of Information Technology and Communication, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak, Malaysia

<sup>1</sup>[faridahjamil@puo.edu.my](mailto:faridahjamil@puo.edu.my)

<sup>2</sup>[nhafiza@puo.edu.my](mailto:nhafiza@puo.edu.my)

<sup>3</sup>[suhainy@puo.edu.my](mailto:suhainy@puo.edu.my)

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received

31 July 2025

Received in revised form

22 October 2025

Accepted

04 April 2026

Published online

30 June 2026

#### Keywords:

ChatGPT; Kecerdasan Buatan (AI); Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT); Technology Acceptance Model (TAM).

### ABSTRAK

ChatGPT ialah model bahasa semula jadi yang dilatih menggunakan Pembelajaran Pengukuhan daripada Maklum Balas Manusia (Reinforcement Learning from Human Feedback – RLHF) dengan teknologi Transformer, dan telah dilancarkan pada 30 November 2022. Penggunaannya yang meluas dalam pelbagai bidang termasuklah dalam sektor pendidikan. Pelajar menggunakan ChatGPT bagi pencarian maklumat, menyelesaikan tugas, serta meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu topik dengan lebih interaktif. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Ungku Omar, serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhinya, khususnya jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, dan persepsi terhadap kegunaan ChatGPT. Pendekatan kuantitatif berasaskan kaedah tinjauan telah digunakan dalam kajian ini, ianya melibatkan seramai 219 orang responden. Empat konstruk utama telah diuji berdasarkan Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model, TAM) dan Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT), iaitu Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Persepsi Kegunaan. Analisis data melibatkan penggunaan statistik deskriptif dan inferensi melalui ujian korelasi Spearman bagi mengenal pasti korelasi antara pemboleh ubah kajian. Kajian ini mendapati bahawa pelajar menggunakan ChatGPT pada tahap sederhana (min = 3.32), ia mencerminkan kecenderungan ke arah penerokaan teknologi AI secara berperingkat dalam pembelajaran dengan tumpuan penggunaan untuk memahami topik kuliah, menjana idea tugas, membuat ulang kaji dan mencari penjelasan istilah sukar. Secara keseluruhan, dapatan deskriptif bagi obejktif kedua menunjukkan kesemua konstruk mencatatkan nilai min antara 3.94 hingga 4.10, sekaligus mencerminkan persepsi positif pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam pembelajaran mereka. Melalui analisis korelasi, menunjukkan keempat-empat faktor mempunyai korelasi yang signifikan dengan tahap penggunaan ChatGPT, di

---

*mana persepsi kegunaan ( $r = .558$ ) dan jangkauan prestasi ( $r = .446$ ) merupakan faktor paling dominan. Hasil kajian ini memberikan gambaran yang jelas tentang tahap penerimaan dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan, khususnya ChatGPT, dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi dan ianya boleh dijadikan rujukan untuk merancang strategi penggunaan yang lebih efektif pada masa depan.*

---

## 1. Pengenalan

Perkembangan teknologi dalam era digital telah membawa perubahan yang ketara dalam landskap pendidikan global, terutama dengan peningkatan penggunaan teknologi berasaskan kecerdasan buatan (AI) dalam proses pembelajaran yang lebih interaktif. ChatGPT adalah satu aplikasi AI yang semakin mendapat perhatian. ChatGPT adalah chatbot generatif yang mampu memberikan respons mirip manusia yang relevan dan mudah difahami. Dalam konteks pembelajaran digital, ChatGPT semakin popular dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi sebagai alat sokongan akademik yang fleksibel, pantas dan mudah di capai. Walaupun penggunaannya kian meluas, masih wujud persoalan faktor sebenar pelajar memilih untuk menggunakan atau mengelakkan diri daripada menggunakan teknologi ini (Huang, Wang, & Liu, 2024). Tahap penerimaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap penggunaan ChatGPT juga masih belum difahami secara menyeluruh, meskipun teknologi ini berpotensi untuk meningkatkan kefahaman, produktiviti, dan keberkesanan pembelajaran. Bagi menjawab persoalan tersebut, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menilai tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) Politeknik Ungku Omar (PUO). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar menggunakan ChatGPT serta tujuan utama penggunaannya dalam konteks akademik serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar. Rangka kajian berasaskan dua model teori utama, iaitu Technology Acceptance Model (TAM) dan Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT). Empat konstruk utama kajian yang dianalisis adalah Jangkauan Prestasi, Jangkauan Usaha, Pengaruh Sosial dan Persepsi Kegunaan. Konstruk-konstruk ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap terhadap penerimaan ChatGPT dalam kalangan pelajar politeknik.

### 1.1 Sorotan Kajian

Kecerdasan buatan (AI) semakin mendapat perhatian dalam bidang pendidikan tinggi, khususnya melalui kemunculan aplikasi generatif seperti ChatGPT. Secara global, pelbagai kajian awal menunjukkan bahawa ChatGPT boleh berperanan sebagai alat pembelajaran, penjana idea, dan sokongan dalam memahami topik kuliah. Menurut Kasneci et al. (2023), teknologi ini berpotensi meningkatkan interaktiviti dalam proses pembelajaran, namun isu berkaitan penggunaan beretika dan pendekatan pedagogi yang sesuai perlu diberi perhatian. Sementara itu, Zhai (2022) menekankan bahawa meskipun ChatGPT bermanfaat dalam membantu penghasilan kandungan akademik, kebimbangan mengenai ketepatan maklumat dan integriti akademik masih menjadi cabaran utama. Dari sudut teori penerimaan teknologi, beberapa penyelidik telah mengaplikasikan model sedia ada untuk menilai kecenderungan pelajar menggunakan ChatGPT. Sebagai contoh, Huang et al. (2024) menggabungkan

Technology Acceptance Model (TAM) dan Self-Determination Theory (SDT) untuk menilai niat pelajar dalam menggunakan ChatGPT. Kajian tersebut mendapati bahawa faktor motivasi sendiri dan persepsi terhadap keberkesanan teknologi memainkan peranan penting dalam membentuk kecenderungan penggunaan. Sementara itu, Habibi et al.(2023) meneliti penerimaan ChatGPT menggunakan kerangka TAM dan mendapati pelajar mempunyai sikap positif terhadap teknologi ini, menganggapnya mudah digunakan serta bermanfaat dalam menyokong pembelajaran, khususnya dalam penjaan idea, pemahaman bahan dan penyelesaian tugas. Selari dengan itu, Baharuddin et al. (2024) melalui kajian terhadap 218 pelajar di seluruh Malaysia—yang majoritinya terdiri daripada pelajar ijazah sarjana muda menunjukkan bahawa jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan sokongan kemudahan mempunyai hubungan signifikan dengan niat tingkah laku pelajar untuk menggunakan ChatGPT. Secara keseluruhannya, hasil kajian terdahulu menggambarkan bahawa penerimaan pelajar terhadap ChatGPT dipengaruhi oleh beberapa faktor utama, termasuk persepsi keberkesanan, kemudahan penggunaan, sokongan sosial dan infrastruktur institusi.

## 1.2. Hipotesis Kajian (Hypotheses)

Berikut ialah hipotesis kajian berdasarkan model penerimaan teknologi UTAUT dan TAM :

H1: Terdapat korelasi positif antara jangkaan prestasi dan tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar.

H2: Terdapat korelasi positif antara jangkaan usaha dan tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar.

H3: Terdapat korelasi positif antara pengaruh sosial dan tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar.

H4: Terdapat korelasi positif antara persepsi kegunaan dan tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar.

## 2. Metodologi

### 2.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan (survey research) yang dijalankan secara deskriptif dan inferensi. Kaedah ini dipilih bagi mengenal pasti tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar menggunakannya berdasarkan kepada Model Penerimaan Teknologi (TAM) dan Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT). Pendekatan kuantitatif digunakan bagi membolehkan data dikumpul secara sistematik dan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) bagi memenuhi objektif kajian serta menguji hipotesis yang dibentuk.

### 2.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian melibatkan pelajar JTMK di Politeknik Ungku Omar yang menjadi kelompok sasaran untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian Pemilihan sampel dilakukan secara persampelan mudah (convenience sampling) melibatkan seramai 219 orang pelajar. Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrument utama kajian dan ianya diedarkan kepada responden secara atas melalui pautan Google Form.

### 2.3 Instrumen Kajian

Instrumen bagi kajian adalah berbentuk borang soal selidik yang dibina berdasarkan kepada konstruk dalam TAM dan UTAUT. Soal selidik kajian ini dibahagikan kepada 5 bahagian utama iaitu : Bahagian A (demografi), Bahagian B (tahap penggunaan ChatGPT), Bahagian C (jangkaan prestasi), Bahagian D (jangkaan usaha), Bahagian E (pengaruh sosial), dan Bahagian F (persepsi kegunaan). Kajian ini menggunakan skala Likert lima mata sebagai asas untuk menilai respons terhadap setiap item (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju).

### 2.4 Teknik Analisis Data

Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29. Kaedah analisis deskriptif digunakan bagi menentukan peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjawab objektif pertama dan kedua. Bagi menguji hipotesis kajian, ujian korelasi Spearman digunakan memandangkan data tidak memenuhi andaian normaliti. Nilai pekali korelasi ( $r$ ) dan nilai signifikan ( $p$ ) digunakan untuk menyokong keputusan yang dikenal psati antara pemboleh ubah berdasarkan hipotesis kajian.

### 2.5 Ujian Kebolehpercayaan Instrumen

Ujian kebolehpercayaan dilakukan untuk menilai sejauh mana item-item dalam setiap konstruk menunjukkan konsistensi dalaman menggunakan pekali Cronbach's Alpha. Berdasarkan garis panduan oleh Brymen & Cramer (1999) nilai alpha melebihi 0.70 dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima, manakala nilai melebihi 0.90 menunjukkan kebolehpercayaan yang sangat tinggi.

## 3. Dapatan dan Analisa Kajian

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan analisis data yang telah diperoleh daripada 219 orang pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Politeknik Ungku Omar (PUO). Dapatan dikemukakan mengikut susunan objektif kajian yang telah ditetapkan, iaitu menganalisis tahap penggunaan ChatGPT dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya dalam kalangan pelajar. Bab ini juga membincangkan dapatan daripada ujian hipotesis yang digunakan untuk menilai korelasi antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar berdasarkan data kajian.

### 3.1 Analisis Kebolehpercayaan Keseluruhan Instrumen

Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan ke atas keseluruhan item soal selidik bagi menentukan konsistensi dalaman instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Analisis dilakukan dengan melihat kepada pekali Cronbach's Alpha, yang merupakan kaedah standard untuk menilai sejauh mana item-item dalam satu konstruk adalah konsisten antara satu sama lain. Keputusan analisis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha keseluruhan ialah 0.954, yang melebihi paras kebolehpercayaan minimum 0.70 seperti yang disarankan oleh Brymen & Cramer (1999). Nilai ini menandakan bahawa semua item dalam soal selidik ini mempunyai tahap konsistensi dalaman yang sangat tinggi. Secara umum, nilai melebihi 0.90 dianggap sangat baik dan

menunjukkan bahawa item-item soal selidik yang dibina saling berkaitan dan mampu mengukur konsep yang sama dengan tepat.

### 3.2 Demografi Responden

Kajian melibatkan 219 responden di mana ianya terdiri dari 114 lelaki dan 105 perempuan. Responden kajian terdiri daripada semester 1 hingga 6. Bagi semester 1 jumlah yang responen adalah 31 orang, diikuti dengan semester 2 seramai 60 orang, semester 3 30 orang, semester 4 seramai 72 orang, manakala semester 5 seramai 20 orang dan semester 6 seramai 6 orang.

### 3.3 Analisis Deskriptif Tahap Penggunaan ChatGPT di Kalangan Pelajar

Analisis statistik deskriptif telah dijalankan bagi menilai tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar. Tafsiran skor min, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, digunakan untuk mengelaskan tahap penggunaan dalam kalangan pelajar. Kategori skor min ditakrifkan seperti berikut:

**Jadual 1: Interpretasi skor min**

Skot Min	Interprestasi Skor Min
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat Tinggi

*Sumber: Zaihan & Hilmun (2016)*

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhan, hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar menggunakan ChatGPT pada tahap sederhana (min = 3.32). Item-item yang mencatatkan tahap penggunaan tertinggi termasuk memahami topik kuliah, menjana idea tugasan, ulang kaji peperiksaan, dan mencari definisi istilah sukar. Ini mencerminkan kecenderungan pelajar menggunakan ChatGPT sebagai alat sokongan pembelajaran secara aktif dan strategik.

**Jadual 2 : Tahap Penggunaan ChatGPT di Kalangan Pelajar**

Item	Pernyataan	Min	SP	Tahap Interpretasi
B1	Saya menggunakan ChatGPT untuk menghasilkan ringkasan maklumat daripada sumber bacaan.	2.88	1.12	Sederhana
B2	Saya menggunakan ChatGPT untuk menjawab latihan atau tutorial.	3.19	1.00	Sederhana
B3	Saya menggunakan ChatGPT untuk memahami topik kuliah.	3.60	1.13	Tinggi

B4	Saya menggunakan ChatGPT untuk menjana idea bagi menyiapkan tugas.	3.62	1.15	Tinggi
B5	Saya menggunakan ChatGPT untuk membantu dalam penulisan Bahasa Inggeris.	2.85	1.20	Sederhana
B6	Saya menggunakan ChatGPT dalam menyiapkan tugas individu atau berkumpulan.	3.26	1.20	Sederhana
B7	Saya menggunakan ChatGPT untuk ulang kaji atau persediaan peperiksaan.	3.51	1.14	Tinggi
B8	Saya menggunakan ChatGPT untuk mencari definisi atau penjelasan istilah yang sukar difahami.	3.62	1.25	Tinggi
<b>Jumlah</b>		3.32	7.153	Sedarhana

### 3.4 Analisis Deskriptif faktor yang mempengaruhi penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar.

Daripada semua faktor yang dikaji seperti dapatan di Jadual 3, Persepsi Kegunaan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.10, diikuti oleh Jangkaan Usaha dengan nilai min 3.96, Jangkaan Prestasi nilai min 3.96, dan Pengaruh Sosial nilai min. Ini menunjukkan bahawa pelajar paling banyak bersetuju bahawa ChatGPT benar-benar berguna dalam pembelajaran mereka, menjadikan Persepsi Kegunaan sebagai faktor paling dominan secara deskriptif. Ini menunjukkan pelajar paling ramai bersetuju bahawa ChatGPT dapat membantu mereka dalam proses pembelajaran, menjadikannya faktor paling dominan secara deskriptif.

**Jadual 3 : Statistik Deskriptif Bagi Faktor-faktor Kajian**

Konstruk	Pernyataan	Min	SP	Tafsiran Tahap
Pertama	Jangkaan Prestasi	3.96	0.89	Tinggi
Kedua	Jangkaan Usaha	3.96	0.79	Tinggi
Ketiga	Pengaruh Sosial	3.95	0.77	Tinggi
Keempat	Persepsi Kegunaan	4.10	0.80	Tinggi

### 3.5 Ujian Hipotesis

Ujian korelasi Spearman telah dijalankan bagi menguji korelasi antara empat faktor penerimaan teknologi dengan tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 5. Berdasarkan keputusan, kesemua nilai pekali korelasi ( $r$ ) menunjukkan korelasi positif yang signifikan secara statistik ( $p < .001$ ). Ini bermaksud kesemua hipotesis kajian (H1 hingga H4) diterima. Persepsi Kegunaan menunjukkan korelasi

paling kuat dengan tahap penggunaan ChatGPT ( $r = .558$ ,  $p < .001$ ), diikuti oleh Jangkaan Prestasi ( $r = .446$ ), Jangkaan Usaha ( $r = .359$ ), dan Pengaruh Sosial ( $r = .291$ ). Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pelajar percaya kepada kegunaan ChatGPT, semakin tinggi kecenderungan mereka untuk menggunakannya dalam pembelajaran.

**Jadual 5: Keputusan Ujian Korelasi Spearman Antara Faktor dan Tahap Penggunaan ChatGPT**

Hipotesis	Korelasi (r)	Nilai p	Keputusan
<b>H1:</b> Terdapat korelasi positif antara jangkaan prestasi dan tahap penggunaan ChatGPT	0.446	< .001	Diterima
<b>H2:</b> Terdapat korelasi positif antara jangkaan usaha dan tahap penggunaan ChatGPT	0.359	< .001	Diterima
<b>H3:</b> Terdapat korelasi positif antara pengaruh sosial dan tahap penggunaan ChatGPT	0.291	< .001	Diterima
<b>H4:</b> Terdapat korelasi positif antara persepsi kegunaan dan tahap penggunaan ChatGPT	0.558	< .001	Diterima

$p < 0.01$  menunjukkan hubungan signifikan pada aras keertian 1

#### 4. Perbincangan Dapatan

##### Objektif 1: Tahap Penggunaan ChatGPT

Objektif pertama untuk menganalisis tahap penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar berdasarkan penilaian sendiri. Sebahagian besar pelajar menggunakan ChatGPT untuk tujuan memahami topik kuliah, menjana idea bagi tugas, membuat ulang kaji peperiksaan, dan mencari definisi istilah yang sukar difahami. Ini menunjukkan pelajar cenderung menggunakan ChatGPT secara aktif dan strategik dalam pembelajaran, dan bukan sekadar menyalin maklumat secara pasif. Penemuan ini menyokong hasil kajian terdahulu oleh Kasneci et al. (2023) yang mendapati bahawa ChatGPT membantu pelajar memahami kandungan serta menjana idea untuk tugas dengan lebih mudah dan tersusun. Zhai (2022) dalam kajiannya menyatakan ChatGPT berpotensi digunakan untuk menghasilkan kandungan akademik dengan cara yang sistematik dan bermaklumat, namun turut menekankan keperluan kawalan etika dan pedagogi dalam konteks pendidikan tinggi.

##### Objektif 2: Faktor Mempengaruhi Penggunaan

Objektif kedua kajian ini untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar. Kajian memfokuskan kepada empat konstruk: Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial, dan Persepsi Kegunaan, dimana ianya telah dianalisis secara deskriptif: Hasil analisis deskriptif mendapati kesemua konstruk berada pada tahap tinggi, dengan Persepsi Kegunaan mencatatkan min tertinggi (4.10). Ini menunjukkan bahawa pelajar amat bersetuju bahawa ChatGPT berguna dan memberi manfaat langsung dalam pembelajaran mereka.

## Perbincangan Hipotesis Kajian

Kesemua hipotesis kajian (H1–H4) telah diuji menggunakan korelasi Spearman, dan keputusan menunjukkan korelasi signifikan antara keempat-empat faktor dengan tahap penggunaan ChatGPT.

- Persepsi Kegunaan mencatatkan korelasi tertinggi ( $r = .558$ ,  $p < .001$ )
- Diikuti oleh Jangkaan Prestasi ( $r = .446$ ,  $p < .001$ )
- Jangkaan Usaha ( $r = .359$ ) dan Pengaruh Sosial ( $r = .291$ )

Dapatan ini turut diperkukuhkan oleh ulasan literatur oleh Baidoo-Anu & Owusu Ansah (2023), yang menyatakan faktor seperti persepsi terhadap AI dan pengaruh sosial memainkan peranan penting dalam mendorong pelajar menggunakan ChatGPT.

## 5. Kesimpulan

Penyelidik menjalankan kajian ini bagi menilai tahap penggunaan ChatGPT serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya dalam kalangan pelajar JTKM, PUO. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa pelajar IPT menggunakan ChatGPT pada tahap sederhana, dengan penggunaan tertumpu kepada aktiviti pembelajaran seperti memahami topik kuliah, menjana idea untuk tugasan, ulangkaji peperiksaan dan mencari penjelasan istilah. Ini menandakan bahawa pelajar tidak sekadar memanfaatkan teknologi ini secara pasif, sebaliknya menggunakannya sebagai alat bantu pembelajaran aktif yang sesuai dengan keperluan akademik mereka. Kajian juga mendapati bahawa keempat-empat faktor iaitu Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial, dan Persepsi Kegunaan mempunyai korelasi yang signifikan dengan tahap penggunaan ChatGPT. Persepsi Kegunaan dan Jangkaan Prestasi muncul sebagai faktor paling dominan, menunjukkan bahawa semakin tinggi keyakinan pelajar terhadap keberkesanan dan nilai tambah ChatGPT, semakin tinggi tahap penggunaannya. Ianya disokong melalui kajian Kasneci et al. (2023) yang mendapati penerimaan positif pelajar institusi pendidikan tinggi terhadap teknologi AI apabila mereka melihat manfaat dan kesesuaiannya dalam konteks pembelajaran sebenar.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa ChatGPT semakin diterima dalam ekosistem pembelajaran IPT, terutamanya apabila pelajar menyedari potensi AI sebagai pembantu pintar yang mampu mempercepat kefahaman, menjana idea dan meningkatkan produktiviti akademik. Kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada literatur berkaitan penerimaan teknologi dalam pendidikan, malah membuka ruang untuk institusi IPT mempertimbangkan strategi pendidikan yang lebih inklusif terhadap teknologi generatif seperti ChatGPT.

## Rujukan

- Baharuddin, M. F., Ahmad Zaki, N. D., Yusuff, K. N. M., & Wahi Anuar, M. A. (2024). Assessing the acceptance and behavioral intentions towards ChatGPT among undergraduate students. *Journal of Information and Knowledge Management (JIKM)*, 14(1), 12–27. Universiti Teknologi MARA.

- Baidoo-Anu, D., & Owusu Ansah, L. (2023). Education in the era of generative AI: Understanding student acceptance and use of ChatGPT in higher education. *Education and Information Technologies*.
- Habibi, A., Muhaimin, M., & Bernadus, B. (2023). ChatGPT in higher education learning: Acceptance and use. *Education and Information Technologies*, 28(6), 7459–7480.
- Huang, Y., Wang, L., & Liu, J. (2024). College students' acceptance of ChatGPT: An integration of TAM and self-determination theory. *Education and Information Technologies*.
- Kasneji, E., Sessler, K., Kühn, S., Bannert, M., Dementieva, D., Fischer, F., & Winkel, K. (2023). ChatGPT for good? On opportunities and challenges of large language models for education. *Nature Human Behaviour*.
- Zhai, X. (2022). ChatGPT user experience: Implications for education. arXiv preprint arXiv:2212.09271.